




RUKUN NEGARA



Pengenalan Rukun Negara

Bahawasanya negara kita Malaysia

Mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakat;

Memelihara satu cara hidup demokratik;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, Rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

Kepercayaan Kepada Tuhan

Rakyat yang percaya kepada tuhan bermakna mereka beragama dan amalan beragama bermaksud tidak berideologi liberal. Ini adalah kerana asas negara Malaysia bertunjangkan agama, berdasarkan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan yang memuktubkan bahawa Islam adalah agama bagi negara. Malaysia bukan sebuah negara berideologi liberal; bukan juga sebuah negara sekular.



Kesetiaan Kepada Raja dan Negara

Perkara ini adalah asas kepada pembentukan semangat patriotisme dan perasaan cintakan negara yang melampaui pengaruh fahaman politik dalam kalangan rakyat. Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 3(2) mengangkat Raja sebagai Ketua agama Islam dan Perkara 32(1) mengangkat Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara. Malaysia adalah sebuah negara beraja yang mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berparlimen di mana Raja menjaga agama negara serta menjadi pelindung bagi seluruh rakyat.



Keluhuran Perlembagaan

Keluhuran Perlembagaan bermakna ketinggian Perlembagaan yang merupakan undang-undang utama Persekutuan seperti yang termaktub di dalam Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan. Ini bermakna setiap rakyat mesti menjunjung tinggi serta mematuhi Perlembagaan negara.



Kedaulatan Undang-undang

Rakyat Malaysia adalah diikat oleh undang-undang dan setiap rakyat wajib mematuhi undang-undang negara yang dirangka berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan. Tanpa mematuhi undang-undang, kehidupan manusia akan menjadi kucar-kacir dan negara akan menjadi huru-hara.



Kesopanan dan Kesusilaan

Kesopanan dan kesusilaan adalah tingkah laku dan adab yang baik hasil daripada sikap patuh kepada undang-undang agama dan negara. Perkara ini menjadi faktor asas kepada pembentukan sahsiah diri yang mulia, beramanah, berintegriti serta bermoral tinggi. Hal ini akan mudah tercapai jika kita berjaya menerapkan kesemua prinsip-prinsip Rukun Negara ke dalam kehidupan kita.



Keutamaan Yang Mendukung Rukun Negara

Penyatuan Nasional:

- Fokus Utama: Rukun Negara dirancang untuk memperkuat penyatuan nasional dan memupuk semangat perpaduan di antara rakyat Malaysia dari berbagai latar belakang.
- Membangun Keharmonian: Menggalakkan hidup bersama secara harmoni dan menghargai kepelbagaian budaya.

Pembinaan Identiti Nasional:

- Identiti Kolektif: Membantu membina identiti kolektif sebagai rakyat Malaysia yang bangga dan setia kepada negara.
- Kebanggaan Negara: Menumbuhkan rasa kebanggaan terhadap identiti Malaysia yang unik dan beragam.

Pendidikan dan Kesedaran:

- Pendidikan Rakyat: Menggalakkan pendidikan yang menekankan pentingnya prinsip-prinsip Rukun Negara sebagai asas pembentukan masyarakat yang bertanggungjawab.
- Kesedaran Nasional: Meningkatkan kesedaran rakyat terhadap peranan mereka dalam mendukung dan memajukan negara.

Pengembangan Ekonomi dan Sosial:

- Keseimbangan Pembangunan: Menyokong pembangunan ekonomi dan sosial yang seimbang dan adil untuk semua rakyat.
- Keadilan Sosial: Memastikan keadilan sosial dengan memberikan kesempatan yang sama kepada semua warga negara untuk berpartisipasi dalam pembangunan nasional.

Kesimpulan Rukun Negara

Rukun Negara telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 sempena kemerdekaan Malaysia yang ke-13 oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin, Yang di-Pertuan Agong IV. Rukun Negara diperkenalkan berikutan peristiwa 13 Mei 1969 yang melemahkan perpaduan antara kaum di Malaysia. Rukun Negara dibentuk dengan tujuan membentuk perpaduan antara kaum di Malaysia. Rukun Negara dibentuk dengan tujuan utama iaitu membentuk perpaduan yang kukuh. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara jelas merupakan kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum demi kejayaan dan kestabilan Malaysia.

Galeri





RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia mendukung cita-cita hendak :

- Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya
- Memelihara satu cara hidup demokratik
- Mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama
- Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak
- Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut :


**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

Sumber : Malaysia 2017 (Jabatan Penerangan Malaysia)

Sumber

- <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30110?language=my>
- <https://ecentral.my/rukun-negara-malaysia/>
- https://dbook.penerangan.gov.my/dbook/dmdocuments/rukun_negara_kunci_perpaduan/mobile/index.html#p=8
- <https://www.bfm.my/podcast/bigger-picture/beyond-the-ballot-box/preamble-to-principles-the-history-and-philosophy-of-rukun-negara>
- <https://ecentral.my/ikrar-rukun-negara/>
- <https://kerjaya.co/rukunegara-malaysia/>
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1140066/ikrar-rukun-negara-dibaca-penuh-dengan-mukadimah>
- <https://ahmadalikarim.wordpress.com/2020/08/06/jangan-sampai-semangat-rukun-negara-terkubur/>
- <https://ahmadalikarim.wordpress.com/2020/08/06/jangan-sampai-semangat-rukun-negara-terkubur/>





TAMAT



Perpustakaan Laman Hikmah
"Menjajar Universiti, Melonjak ke Hadapan"